

“MUHASABAH DIRI MEMBENTUK MUKMIN SEJATI”
(28 DISEMBER 2018 / 20 RABI’UL AKHIR 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُصَرِّفِ الْأَحْوَالِ وَالْأَوْقَاتِ، وَمُقَدِّرِ الْأَيَّامِ وَالسَّاعَاتِ، خَالِقِ الْأَرْضِ
وَالسَّمَاوَاتِ، وَجَاعِلِ الثُّورِ وَالظُّلُمَاتِ، أَحْمَدُهُ تَعَالَى عَلَى جَمِيعِ الْعَطَايَا وَالْهِبَاتِ،
وَأَشْكُرُهُ عَلَى نِعَمِهِ السَّابِغَاتِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، حَشْنَا عَلَى اغْتِنَامِ الْأَوْقَاتِ، وَالْإِعْتِبَارِ
بِالْأَيَّامِ الْمَاضِيَاتِ، وَنَهَانَا عَنِ الْأَسَى عَلَى مَا فَاتَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي ارْتَقَى مَدَارِجَ الْكَمَالَاتِ، وَسَمَّا بِفَضْلِهِ عَلَى جَمِيعِ الْكَائِنَاتِ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَعَلَى كُلِّ مَنْ اهْتَدَى بِهَدْيِهِ مِنْ أَوْلِي الْفَضْلِ وَالْمَكْرَمَاتِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ،
وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah ﷻ dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan itu, kita beroleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah ﷻ di dunia dan di akhirat. Khatib ingin menarik perhatian sidang Jumaat untuk menekuni khutbah pada hari ini yang membicarakan berkenaan “**Muhasabah Diri Membentuk Mukmin Sejati**” bertepatan dengan suruhan Allah ﷻ supaya kita meneliti apa yang telah dipersiapkan untuk hari akhirat sebagaimana firman-Nya menerusi surah al-Hasyr, ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 ﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ط﴾

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amalannya) untuk hari esok (hari akhirat).”

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Tahun 2018 yang sedang kita nikmati pada ketika ini bakal melabuhkan tirainya tidak lama lagi. Justeru, mimbar hari ini mengajak kita semua agar bermuhasabah terhadap tanggungjawab setiap diri kita sebagai hamba Allah ﷻ, keluarga, masyarakat dan rakyat negara ini. Islam menuntut agar kita sentiasa membuat perhitungan terhadap tanggungjawab dan amalan yang dilaksanakan, sentiasa bermuhasabah dan tidak tertakluk kepada masa tertentu sahaja. Imam al-Mawardi menjelaskan: “*Muhasabah bermaksud seseorang itu membuat penilaian pada malam hari tentang apa yang telah dikerjakan pada siang hari, sekiranya baik maka akan diteruskan dan sekiranya tidak baik maka dia akan insaf dan tidak akan meneruskannya.*”

Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Umar bin al-Khattab رضي الله عنه pernah mengingatkan: “*Bermuhasabahlah tentang diri kamu sebelum kamu dihisab (pada akhirat kelak), dan buatlah perhitungan (amalan) kamu sebelum dihitung (pada akhirat kelak). Sesungguhnya perhitungan pada hari esok (akhirat) akan menjadi ringan dengan kamu terlebih dahulu membuat perhitungan diri pada hari ini. Dan bersiaplah kamu untuk dikemukakan segala amalan pada hari yang tidak diselindung segala-galanya daripada Allah.*” Bahkan dengan bermuhasabah akan meningkatkan kualiti diri menjadi mukmin sejati dan umat terbaik dengan membuat pembetulan dan memperbaiki kelemahan lampau. Imam al-Termizi meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى
 عَلَى اللَّهِ الْأَمَانِيَّ"

Mafhumnya: “Orang yang bijak adalah orang yang bermuhasabah tentang dirinya (sebelum dihisab pada akhirat kelak) dan beramal untuk kehidupan sesudah mati. Sedangkan orang yang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sememangnya kualiti diri mukmin sejati menjadi faktor kepada terhasilnya kesejahteraan hidup dan kemajuan sesebuah negara. Kemakmuran negara dan rakyat dapat dinikmati, sekiranya kita masing-masing melaksanakan tanggungjawab dan menilai setiap amalan berlandaskan syariat Islam. Namun jika tanggungjawab diabaikan maka kestabilan negara akan runtuh dan bertambah mundur. Oleh itu, hendaklah kita selalu bermuhasabah kerana sifat manusia itu sendiri mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu kepada peringatan. Jika sifat kekurangan ini dibiarkan, ia menyukarkan kita untuk melihat kelemahan diri sendiri dan lebih cenderung menilai kelemahan dan keaiban orang lain. Sifat sebegini boleh menyebabkan sesetengah orang menganggap dirinya sahaja yang betul dan orang lain adalah salah.

Realiti umat Islam pada hari ini yang dilabel sebagai lemah dan mundur merupakan kesan perancangan musuh yang ingin memecah belahkan perpaduan dalam kalangan umat Islam, sehingga terdapat sebahagiannya berusaha menjatuhkan sesama sendiri. Lantaran itu, mimbar menyeru agar kita semua sentiasa membuat penilaian diri, memperbaiki kelemahan, merancang dan melaksanakan Islah (reformasi) demi menjana kualiti mukmin sejati dan melahirkan ummah terbaik. Apabila umat Islam melaksanakan Islah memperbaiki hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah ﷻ, maka Allah ﷻ akan memperbaiki keadaan manusia sebagai mana firman-Nya melalui surah al-Ra’d ayat 11:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

Justeru, cubalah kita bertanya dan membuat penilaian ke atas diri sendiri. Adakah kita telah menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan mengikut peraturan yang betul? Adakah apa yang telah kita usaha dan laksanakan selama ini benar-benar menurut kehendak syariat Islam? Jika belum, apa pula usaha dan azam kita untuk berusaha ke arah itu? Inilah tuntutan muhasabah untuk menilai sejauh mana keikhlasan dan ketulusan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap Allah ﷻ bagi menegakkan syiar agama dalam kehidupan. Ingatlah, walau siapa sekalipun kita dan di posisi mana kita berada, kita tetap ada peranan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sebagai hamba Allah ﷻ dan ianya akan persoal satu persatu pada hari akhirat kelak.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain itu, marilah kita meningkatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ kerana mengurniakan kita nikmat masa dan umur yang panjang sehingga ke hari ini. Manfaatkanlah masa yang ada dengan sebaik mungkin dan janganlah kita dilalaikan oleh kehidupan dengan sedikit kemewahan yang bersifat sementara. Akhirnya kita sendiri lemas dalam lautan kelalaian dan ghaflah yang merugikan kehidupan ini. Terdapat satu kaedah yang masyhur menyatakan: *“Kewajipan-kewajipan kita jauh lebih banyak daripada masa yang kita miliki.”* Inilah kenyataan yang menunjukkan bahawa masa yang kita miliki adalah amat singkat sedangkan tanggungjawab dan tugas sebagai hamba Allah ﷻ terlalu besar dan banyak. Justeru, gunakanlah peluang dan ruang yang ada untuk melaksanakan urusan yang boleh memberi manfaat dan faedah dalam kehidupan singkat ini.

Pada kesempatan ini juga, mimbar turut mengingatkan para jemaah tentang salah satu daripada rukun Islam iaitu kefarduan berzakat ke atas setiap individu muslim. Sebagai manusia, kita tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan kecuiaan ketika mencari rezeki, maka melalui berzakatlah akan membersihkan harta yang diperoleh. Zakat juga dapat menyucikan jiwa manusia daripada sifat mazmumah seperti sombong, bangga diri dengan kekayaan yang dimiliki. Individu muslim yang memiliki kekayaan akan mengenang nasib

kesusahan golongan yang kurang berkemampuan. Justeru, marilah kita lakasanakan tanggungjawab berzakat apabila cukup syaratnya melalui Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Harus dingat, bahawa keutamaan berzakat adalah di tempat harta yang diperolehi supaya asnaf setempat dapat terus disantuni dan memperbaiki taraf hidup mereka. Mudah-mudahan dengan itu kita mendapat keberkatan dan kesejahteraan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah hari ini, mimbar menyeru sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati utama khutbah berikut:

- Pertama** : Hendaklah kita sentiasa bermuhasabah terhadap tanggungjawab sebagai hamba Allah ﷻ, keluarga, masyarakat dan rakyat.
- Kedua** : Kualiti diri mukmin sejati menjadi faktor kepada terhasilnya kesejahteraan hidup dan kemajuan negara.
- Ketiga** : Zakat merupakan tuntutan ibadah yang disyariatkan ke atas orang Islam dan wajib dilaksanakan apabila cukup syaratnya.

Firman Allah ﷻ melalui surah Al-Nahl ayat 97:

﴿ مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal salih, daripada lelaki atau perempuan sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

بَارِكْ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، اَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهُ
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ سَيِّدَ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا
وَأَمْرًا :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا ﴾

“*Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.*”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ بَنِي
أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى
مَلِكِنَا، كِبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ كَلِيمَا بَلَسْ،
سُلْطَانِ مُحَمَّدِ كَلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

وَكَذَلِكَ عَلَى دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سُلْطَانِ نَزْرِينَ مُعَزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
أَزَلْنِ مُحِبُّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ، تَيْمَبَالَنْ يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، وَعَلَى دُولِي يَغِ مَهَا
مَوْلِيَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي فَيْرِقِ دَارِ الرِّضْوَانِ تَوَانِكُو زَارَا سَالِيمِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمْ مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمْ لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيَزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً، يَا رُؤُوفُ بِالْعِبَادِ.
اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمَفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ
رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ ﷺ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ
الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ
صُفُوفَهُمْ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لِعِبَادِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.